

Mahathir harap Razaleigh terus kekal dalam kabinet JUN

KUALA LUMPUR, 27

Jun — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini masih berharap

Tengku Razaleigh Hamzah akan terus kekal dalam kabinet sekalipun tewas dalam pemilihan jawatan Timbalan Presiden semalam.

Menurutnya, Menteri Kewangan itu tahu tanggungjawab yang diperlukan dari beliau oleh parti dan kerajaan.

"Atas sebab itulah saya fikir beliau tidak akan berpegang kepada keputusannya sebelum ini untuk meninggalkan kabinet jika tidak terpilih sebagai Timbalan Presiden", kata Timbalan Perdana Menteri kepada para pemberita hari ini.

Masalah

Beliau menegaskan, tidak menjadi masalah baginya membenarkan Tengku Razaleigh terus beri khidmat kerana kekalahannya tidak bermakna beliau tidak layak terus berajaan.

Mengenai penawaran jawatan parti yang lain kepada Tengku Razaleigh berikutan kekalahannya merembut Timbalan Presiden, Timbalan Perdana Menteri memberitahu, perkara itu akan dibincangkan terlebih dahulu.

"Sekalipun sebagai Presiden saya mempunyai kuasa melantik, saya mestilah membuat keputusan berdasarkan keputusan ramai dalani Majlis Tertinggi", kata beliau.

Menjawab soalan sama ada kekalahan Tengku Razaleigh akan menguatkan semula PAS di Kelantan, beliau berkata "saya tidak percaya dengan kenyataan sedemikian".

"Dakwaan itu mungkin dibuat sewaktu dalam kempen sahaja yang dibuat tanpa berdasarkan fakta", tegas beliau.